

**Apa guna kerajaan sediakan peluang kalau orang Melayu tetap sia-siakan? -
Tun Mahathir
AstroAwani
06 Oktober 2019
Firdaus Azil dan Harits Asyraf Hasnan,**

SHAH ALAM: Kerajaan boleh menyediakan peluang untuk meningkatkan lagi kedudukan ekonomi orang Melayu, tetapi terpulang kepada bangsa itu sendiri untuk merebut peluang yang disediakan, kata Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir berkata, sebagai pemimpin kerajaan kini, beliau terus komited untuk membantu nasib bangsanya sendiri, tetapi orang Melayu sendiri perlu mempunyai keazaman untuk memperbaiki kedudukan mereka.

“Hari ini sekali lagi kita akan sediakan peluang bagi kita meningkatkan pendapatan kita, tetapi walaupun kita sediakan banyak peluang perniagaan, banyak modal untuk dipinjam, kalau ada usaha gigih, daripada yang menerima, maka usaha ini akan gagal semula.

“Kita akan ada dasar baru, dasar wawasan kemakmuran bersama, tetapi dia tak akan datang bergolek kepada kita. Tak akan datang melayang kepada kita, tiba-tiba kita jadi kaya. Tak mungkin,” katanya sewaktu menyampaikan amanat di Kongres Maruah Melayu, di Stadium Malawati, di sini hari ini.

Antara pemimpin Melayu yang turut hadir ialah Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang, Timbalan Presiden PKR Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, Setiausaha Agung UMNO Tan Sri Annuar Musa, serta pemimpin NGO Melayu dan Islam yang lain.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, beliau kesal dengan sikap orang Melayu yang tidak gemar menceburi bidang perniagaan, sedangkan, itu boleh menjamin kedudukan ekonomi yang lebih kukuh.

“Kenapa tidak Melayu? Apakah mereka tak tahu membuat kira kira (matematik) tak faham selok belok perniagaan? Saya yakin mereka boleh kuasai urusan tetapi mereka lebih berminat untuk bekerja dengan kerajaan, berbangga dengan pencen.

“Orang yang berniaga tak dapat pencen, tapi mungkin dapat kekayaan besar,” katanya lagi.

© 2019 AstroAwani Network Sdn. Bhd.

(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/apa-guna-kerajaan-sediakan-peluang-kalau-orang-melayu-tetap-sia-siakan-tun-mahathir-219333>